

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 4 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah Surau Nurul Islam di Bandar Labuan akan dinaik taraf dan dibesarkan kapasitinya memandangkan ia selalu penuh dan sesak terutamanya pada hari Jumaat dan selalu digunakan oleh penumpang-penumpang dari Terminal Feri dan bot antarabangsa Labuan.

JAWAPAN

**YB SENATOR DATUK DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI MENTERI
DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

(i) Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah meneliti keperluan pembesaran Surau Nurul Islam di Labuan dan mendapati bahawa masalah kesesakan jemaah dapat ditampung pada masa ini.

(ii) Walau bagaimanapun untuk mengatasi masalah tersebut dalam jangka masa panjang, JAWI akan mempertimbangkan untuk melaksanakan kerja-kerja pembesaran Surau Nurul Islam pada tahun hadapan.

Sekian, terima kasih.